

22/09/1999

Azmi kesali tuduhan

KANGAR, Selasa - Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, menganggap tuduhan yang mengaitkan beliau dengan kes keracunan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai pembohongan besar.

Katanya, tuduhan bahawa beliau sebagai tulang belakang kes itu yang dilaporkan dalam Internet baru-baru ini, membuktikan kerendahan imej pihak terbabit.

"Saya dikatakan sebagai dalang dan menggunakan orang luar bagi menjayakan tujuan itu. Ini adalah pembohongan besar daripada mereka yang tidak bertanggungjawab," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Azmi dan Setiausaha Politik Dr Mahathir, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, dituduh meracuni Anwar.

Perdana Menteri membuat pendedahan itu ketika berucap pada majlis Perhimpunan Bersama Rakyat yang dihadiri kira-kira 25,000 orang di Stadium Utama Negeri, di sini malam tadi.

Azmi yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perlis dan Ahli Parlimen Padang Besar berkata, beliau tidak bercadang membuat laporan polis berhubung perkara itu.

"Jika mahu meracun, saya tidak perlu mendapatkan khidmat bantuan daripada orang luar, termasuk CIA dan pasukan tentera sulit Israel (Mozad) seperti dilaporkan.

"Bagi saya, pihak yang melempar tuduhan itu berfikiran rendah, malah menjatuhkan imej dan martabat mereka sendiri," katanya.

Menjawab soalan mengapa beliau menjadi sasaran kumpulan terbabit, Azmi berkata kemungkinan disebabkan kedudukannya sebagai timbalan menteri yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal penjara.

(END)